

pemberi perkhidmatan tersebut telah dibuat dalam mendapatkan penyelesaian ke atas aduan-aduan tersebut. Hasil daripada beberapa perbincangan, pakej tersebut telah diubah untuk menjadi lebih mesra pengguna.

Untuk makluman, pihak Kementerian melalui SKMM bersama-sama dengan pihak pemberi perkhidmatan telekomunikasi sentiasa mencari kaedah terbaik dalam memberikan perkhidmatan telekomunikasi yang memuaskan kepada seluruh rakyat di Malaysia.

Untuk makluman juga, caj-caj bagi perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar adalah tidak dikawal dan bergantung kepada perancangan komersial oleh pihak pembekal-pembekal perkhidmatan masing-masing. Oleh itu, syarikat-syarikat telekomunikasi diberikan liberalisasi dalam menetapkan kadar bagi perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar bagi mewujudkan persaingan yang sihat, menarik pelaburan, dan seterusnya berlumba menyediakan mutu perkhidmatan terbaik mengikut keperluan dan mampu milik pengguna.

Walaupun caj perkhidmatan ini tidak dikawal, pembekal perkhidmatan masih perlu mematuhi setiap peraturan dan prinsip sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (“AKM 1998”) iaitu:

- i. Kadar mestilah adil;
- ii. Kadar hendaklah diorientasikan terhadap kos;
- iii. Kadar hendaklah tidak mengandungi diskau yang tidak munasabah memudaratkan persaingan;
- iv. Kadar hendaklah distrukturkan untuk menarik pelaburan; dan
- v. Kadar hendaklah mengambil kira peraturan-peraturan dan saranan daripada organisasi antarabangsa di mana dianggotai oleh Malaysia.

Hasil daripada persaingan yang wujud di antara pembekal perkhidmatan telah terbukti mampu menurunkan harga pasaran dan akhirnya memberi keuntungan kepada pengguna.

Di samping itu, pengguna juga adalah disyorkan supaya meneliti dan memilih pakej langganan berdasarkan kepada keperluan supaya menguntungkan mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN V. SIVAKUMAR [  
BATU GAJAH ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pembaharuan-pembaharuan yang akan dilakukan kepada institusi Parlimen Malaysia. Adakah Kerajaan bercadang untuk membekalkan pegawai-pegawai penyelidik dan peruntukan kewangan bagi projek-projek kecil untuk setiap Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI!**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hari Khamis, 7 April 2016 iaitu pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat yang lalu, Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat telah dibentangkan di dalam Dewan dan seterusnya diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Pindaan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat adalah berdasarkan kepada tiga teras pindaan seperti berikut:

A) **Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan**

Tempoh notis pertanyaan jawab lisan dipendekkan daripada 14 hari bekerja kepada 10 hari bekerja dan tiga (3) pertanyaan-pertanyaan jawab lisan daripada 10 pertanyaan berkenaan dikemukakan semasa persidangan dewan berlangsung.

B) **Kamar Khas (Special Chamber)**

Kamar Khas (*Special Chamber*) diwujudkan bagi urusan usul dibawah Peraturan Mesyuarat 17 (Usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan) dan Peraturan Mesyuarat 18 (perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan).

C) **Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (*Minister's Question Time*)**

Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (*Minister's Question Time*) diadakan selama 30 minit iaitu bermula pada jam 10.00 pagi sehingga jam 10.30 pagi pada setiap hari Selasa dan Khamis sebelum Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan bagi memberi ruang kepada Ahli Parlimen mengemukakan pertanyaan berhubung isu-isu terkini.

Pelaksanaan bagi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (*Minister's Question Time*) ditangguhkan pelaksanaannya sehingga Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat yang dijadualkan bersidang dari Isnin, 17 Oktober sehingga Khamis, 24 November 2016 yang akan datang.

Manakala, pelaksanaan bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan dan pewujudan Kamar Khas (*Special Chamber*) bagi urusan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17 dan Peraturan Mesyuarat 18 telah dilaksanakan pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat bermula dari Isnin, 16 Mei sehingga Khamis, 26 Mei 2016.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai peruntukan pegawai penyelidik kepada Ahli Parlimen, Parlimen Malaysia telah menyediakan seramai 14 orang Pegawai Penyelidik secara guna sama yang sentiasa bersedia untuk membantu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam kajian berhubung sesuatu isu yang ingin diketengahkan.

**SULIT**

Manakala peruntukan kewangan tahunan yang diterima oleh Parlimen dibawah Perbelanjaan Mengurus bagi Maksud Bekalan B01 adalah hanya bagi tujuan pembayaran elaun dan kelayakan Ahli Parlimen berdasarkan kelayakan yang telah dinyatakan di dalam Akta Ahli Parlimen.

Sekian. Terima kasih.